



UMNO hilang sokongan jika pemimpin pentingkan diri — PM

UM - 8 FEB 2003

JITRA 7 Feb.— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata UMNO akan kehilangan sokongan rakyat seperti mana nasib yang menimpa parti pejuang kemerdekaan di negara lain jika pemimpinnya terus mementingkan diri dan sanggup membelakangkan kepentingan parti.

Sehubungan itu, Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO mahu kepincangan yang berlaku membabitkan pemimpin seumpama itu diperbaiki segera sebelum rakyat bersikap menolak kehadiran parti Melayu itu.

Menurut beliau, UMNO tidak boleh membiarkan rakyat benci terhadap parti itu memandangkan masih banyak kerja harus dipertanggungjawabkan oleh UMNO dalam memartabatkan agama, bangsa dan tanah air.

“Kita lihat di negara lain, parti yang berjuang untuk kemerdekaan telah tiada atau lumpuh, kadang-kadang amat sedih kerana dibenci oleh semua pihak di negara sendiri, walhal parti ini mendapatkan kemerdekaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis pelancaran Unit Khas Pilihan Raya Puteri UMNO di Dewan Wawasan dekat sini hari ini.

Turut hadir pada majlis yang dihadiri kira-kira 7,000 ahli pergerakan itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Ketua Puteri UMNO, Azalina Othman Said.

Menurut Dr. Mahathir, sebagai parti yang memperjuangkan kemerdekaan,

rakyat sepatutnya akan berasa terhutang budi kepada mereka tetapi apa yang berlaku selepas itu adalah sebaliknya.

“Kalau kita sanggup mengaku yang benar, kita akan dapati bahawa sebenarnya parti yang pernah berjuang ini telah bertukar sifat-sifat yang ada padanya.

“Kalau pada masa menuntut kemerdekaan, mereka kuat bersatu padu tetapi selepas 30 atau 40 tahun, mereka menjadi lemah dan tidak bersatu-padu lagi kerana bila sudah dapat tempat (dalam parti), ramai yang berebut-rebut untuk kepentingan diri sendiri,” tegas beliau.

Apabila sifat tamak mempengaruhi tindak-tanduk pemimpin seumpama itu, katanya, parti akan berpecah, menjadi lemah

dan tidak lagi mendapat sokongan dan undi rakyat dalam pilihan raya.

“Inilah yang banyak berlaku atau terjadi pada parti di negara lain yang berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan tetapi kini tidak menjadi pilihan rakyat,” ujar beliau.

Dr. Mahathir bagaimanapun berkata, UMNO masih bernasib baik kerana selepas diwujudkan sejak lebih 50 tahun lalu, ia masih popular dan dapat mengekalkan kemenangan dalam pilihan raya sehingga mampu mendirikan kerajaan.

Perdana Menteri menjelaskan, tanggapan sesetengah pemimpin bahawa diri mereka popular juga perlu diperbetulkan kerana yang mempopularkan mereka adalah UMNO.